KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

# TICKET TO VICTORY 3.0



# Sejarah

## SPM 2023

Anjung Ilmu
Jabatan Pendidikan Perak

# ISI KANDUNGAN

*Pendahuluan* 3

*Tinta Dari Meja Pengarah* 4

*Penghargaan* 5

*Sifir Sejarah* 6

TINGKATAN 4

1 Warisan Negara Bangsa 7

2 Kebangkitan Nasionalisme 11

3 Konflik Dunia & Pendudukan Jepun Di Negara Kita 15

4 Era Peralihan Kuasa British Di Negara Kita 19

5 Persekutuan Tanah Melayu 1948 21

6 Ancaman Komunis & Perisytiharan Darurat 23

7 Usaha Ke Arah Kemerdekaan 25

8 Pilihan Raya 29

9 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 31

10 Pemahsyuran Kemerdekaan 37

TINGKATAN 5

1 Kedaulatan Negara 39

2 Perlembagaan Persekutuan 41

3 Raja Berperlembagaan & Demokrasi Berparlimen 45

4 Sistem Persekutuan 47

5 Pembentukan Malaysia 49

6 Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia 51

7 Membina Kesejahteraan Negara 53

8 Membina Kemakmuran Negara 55

9 Dasar Luar Malaysia 57

10 Kecemerlangan Malaysia Di Persada Dunia 59

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

## PENDAHULUAN

**Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Pegawai SISC+, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama serta guru-guru mata pelajaran Sejarah yang berpengalaman telah menghasilkan modul Sejarah Ticket to Victory 3.0 yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Modul ini mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sejarah berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021. Modul Sejarah Ticket to Victory 3.0 disediakan dalam format dokumen mudah alih (pdf) dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap penggunaan modul Sejarah Ticket to Victory 3.0 dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu "We Deliver".**

**Sektor Pembelajaran,**
**Jabatan Pendidikan Negeri Perak**
**Jalan Tawas Baru Utara,**
**Tasek Damai,**
**30010, Ipoh,**
**Perak Darul Ridzuan**

## TINTA DARI MEJA PENGARAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh , salam sejahtera dan salam Anak Baik lagi Cerdik

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, modul Ticket to Victory 3.0 ini berjaya dihasilkan. Modul yang dihasilkan oleh Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama mata pelajaran yang berpengalaman.

Kandungan modul ini merupakan tambahan kepada modul sedia ada yang memberi penekanan kepada tajuk-tajuk penting serta tumpuan kepada kumpulan sasar. Melalui pendekatan berfokus begini diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar untuk menguasai tajuk-tajuk penting dan melayakkan mereka lulus dalam mata pelajaran Sejarah SPM. Modul ini juga memberi manfaat kepada calon SPM2023 untuk memperolehi keputusan cemerlang kerana digubal oleh kalangan guru yang berpengalaman dalam pelbagai latar terdiri daripada Pegawai SISC+, Guru Cemerlang, guru sumber, pembina item dan guru yang berpengalaman luas mengajar mata pelajaran Sejarah SPM. Pembinaan modul ini diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM melaksanakan latih tubi berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Akhir kata, semoga Allah SWT memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian, terima kasih

MOHAMAD FAUZI BIN MAHSON, AMP.
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK

## SIFIR SEJARAH - Sasaran minimum A-

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas 1 | https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/sharesejarah22/home | | | | | | | 35/40 | |
| Kertas 2 | S1 | S2 | S3 | S4 | S5 | S6 | S7 | S8 | S9 |
| (a) | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| (b) | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 | 3 |
| (c) | 4 | 4 | 4 | 4 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 |
| Jumlah | 9 | 9 | 9 | 9 | 13 | 13 | 13 | 75/100 | |

## SIFIR SEJARAH - Sasaran minimum LULUS - 58/140

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas 1 | https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/sharesejarah22/home | | | | | | | 30/40 | |
| Kertas 2 | S1 | S2 | S3 | S4 | S5 | S6 | S7 | S8 | S9 |
| (a) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |
| (b) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |
| (c) | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| Jumlah | 4 | 4 | 4 | 4 | 4 | 4 | 4 | 28/100 | |

**S.K. 9.1.3** Menjelaskan sistem pentadbiran dan undang - undang sebelum kedatangan Barat

1.



(a) Jelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka peringkat pentadbiran pusat. [6 markah]

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

(b) Hukum Kanun Melaka mempunyai 44 fasal yang menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar, hukuman terhadap jenayah dan aspek ekonomi. Bincangkan. [8 markah]

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

(c)

> "Setiap satu perbuatan kita perlu mengikut undang-undang dan peraturan. Bagi Perdana Menteri atau Raja, menteri atau pegawai pentadbir atau polis, tentera, segala tindakan perlu mengikut peraturan-peraturan. Jika tidak mengikut peraturan, maka akan berlaku huru-hara dalam negara kita."
>
> TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
> PERDANA MENTERI
>
> INFOGRAFIK BERNAMA



Bagaimanakah undang-undang dapat mewujudkan sebuah negara yang sejahtera? [6 markah]

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

9.1 Warisan Negara Bangsa

**9.1.3 Menjelaskan keunggulan sistem pentadbiran dan undang-undang sebelum kedatangan Barat**

Keunggulan faktor kepada kejayaan....

**Sistem Pembesar Empat Lipatan**




Guru anda & 291 others 55 comments

9.1 Warisan Negara Bangsa

**9.1.3 Menjelaskan keunggulan sistem pentadbiran dan undang-undang sebelum kedatangan Barat**

Undang - undang di Kesultanan Melayu Melaka

**Sebahagian isi kandungan Hukum Kanun Melaka**

JENAYAH
Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Kesultanan Melayu Melaka. Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri. Antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh termasuklah seperti dalam Fasal 5.1, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh. Dalam Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan.

EKONOMI
Perdagangan merupakan elemen penting yang menjadikan Kesultanan Melayu Melaka terkenal di seluruh dunia. Undang-undang ini mempunyai peraturan yang jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan di Melaka agar tidak berlaku sebarang kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya, dalam Fasal 30, dinyatakan amalan riba diharamkan dalam urusan perniagaan dan orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli.

Cikgu Saari & 291 others 50 comments

**S.K. 9.1.4** Menghuraikan hubungkait peranan pemerintah dalam pemerintahan sebelum kedatangan Barat.

2. Dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melaka, golongan pemerintah terdiri daripada sultan, pembesar, kerabat raja dan ulama.

(a) Nyatakan peranan rakyat dalam memastikan keunggulan Kesultanan Melaka. [6 markah]

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(b) Peranan pembesar telah berjaya memastikan keunggulan pentadbiran Kesultanan Melaka. Buktikan. [6 markah]

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(c)




Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah anda menunjukkan rasa cinta akan negara ini? [8 markah]

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

9.1 Warisan Negara Bangsa

Standard Pembelajaran

**9.1.4 Menghuraikan hubungkait peranan pemerintah dalam pemerintahan sebelum kedatangan Barat**

Pemimpin dan rakyat berpisah tiada...

**Tanggungjawab rakyat**

Peranan Rakyat
- Menunjukkan taat setia kepada pemerintah.
- Mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa tulah.
- Menjadi tentera.
- Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong. Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.
- Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan. Seorang Penghulu Bendahari dilantik bagi menguruskan perbendaharaan secara teratur. Sementara itu, Syahbandar pula dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan, manakala pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan. Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata dan membina istana.

Awek saya & 191 others — 150 comments

9.1 Warisan Negara Bangsa

Standard Pembelajaran

**9.1.4 Menghuraikan hubungkait peranan pemerintah dalam pemerintahan sebelum kedatangan Barat**

Pemimpin dan rakyat berpisah tiada...

**Tanggungjawab pemerintah**

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan. Seorang Penghulu Bendahari dilantik bagi menguruskan perbendaharaan secara teratur. Sementara itu, Syahbandar pula dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan, manakala pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan. Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata dan membina istana.

Ayah saya & 91 others — 120 comments

**S.K. 9.2.2** Menerangkan perkembangan idea Nasionalisme di Barat

3. Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara Barat mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara termasuklah di negara kita.

(a) Apakah maksud nasionalisme? [6 markah]

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

(b) Jelaskan faktor tercetusnya gerakan nasionalisme berikut :

(i) Revolusi Keagungan (1688) [4 markah]

(ii) Revolusi Perancis (1789) [4 markah]

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

(c) Teliti gambar di bawah.



Selasa, 13 Disember 2016 BH

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Datuk Ong Guan Sai
Bekas Pengarah Kastam, kini Pesuruhjaya Sumpah Malaysia

Raja-Raja Melayu sebagai objek penyatupadu melalui institusi Yang di-Pertuan Agong"

Kedudukan Raja bertukar menjadi pelindung simbolik sejajar perkara yang dikanunkan dalam Perlembagaan"

Rakyat masih mempunyai satu-satunya institusi beraja yang boleh dimanfaatkan sebagai benteng pelindung terakhir"

# Institusi beraja pelindung, penyatu rakyat

utama negara, manakala rakyat jelata pula yang memilih ketua kerajaan, kedua-duanya melalui proses pengundian secara demokratik. Dalam banyak keadaan, Yang di-Pertuan Agong menjalankan pemerintahan negara mengikut nasihat Kabinet atau Perdana Menteri (Fasal 40), kecuali dalam beberapa perkara yang diperuntukkan dalam Perlembagaan sebagai kuasa budi bicara.

Di samping itu juga, baginda menjalankan kuasa mengikut fungsi seiring fungsi simbolik Yang di-Pertuan Agong seperti bertindak sebagai Ketua Angkatan Tentera (Fasal 4), Pemimpin Mohor Besar Persekutuan (Fasal 36), memanggil mesyuarat Dewan Rakyat (Fasal 55), ucapan di Parlimen (Fasal 60) dan menerima menghadap duta asing dan mentauliah duta ke luar negara.

budaya dan perlembagaan negara.

Dalam senario Malaysia sebagai sebuah negara yang secara relatifnya muda, baik dalam konteks demokrasi mahupun kewujudan Perlembagaan, Institusi Raj-Raja adalah penawar mujarab dan penyejuk yang mententeramkan. Tidak kira apa yang berlaku di arena politik, hakikaynya rakyat masih mempunyai satu-satunya institusi beraja yang boleh dimanfaatkan sebagai benteng pelindung terakhir.

**Bebas politik**

Takhta melewati pergolakan politik, malah bebas daripada unsur politik. Kekuatan ciri-ciri ini sebenarnya memberikan keperibadian yang khusus kepada sesebuah negara yang membezakan satu negara dengan yang lain.

Rakyat Malaysia secara keseluruhannya menaruh oenuh harapan dan kepercayaan jitu, bahawa

Huraikan mesej yang terkandung dalam keratan akhbar tersebut. [8 markah]

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

9.2 Nasionalisme

**9.2.2 Menerangkan Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat**

**Nasionalisme penentu nasib bangsa dan negara...**

**Nasionalisme .....**

Nasionalisme bermaksud perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Nasionalisme boleh diertikan sebagai semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara. Selain itu, nasionalisme bermaksud gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.
Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan zaman kerana idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam.

My Mom & 111 others 190 comments

9.2 Nasionalisme

**9.2.2 Menerangkan Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat**

**Nasionalisme penentu nasib bangsa dan negara...**

Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) di England berlaku disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat. Revolusi ini tercetus berikutan pemerintahan Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang. Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda. Menyedari sokongan yang semakin berkurangan, Raja James II melarikan diri ke Perancis.

Revolusi Perancis tercetus daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau (Rousseau) dan Voltaire. Rousseau telah menulis The Social Contract yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Suara rakyat digelar sebagai "hasrat umum" yang merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran. Menurut Rousseau, kedaulatan suara rakyat lebih tinggi dan penting daripada institusi raja dan birokrasi. Golongan bangsawan memonopoli pelbagai keistimewaan, sebaliknya rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.

Aisyah & 211 others 210 comments

**S.K. 9.2.4** Menghuraikan perkembangan idea Nasionalisme di Asia Tenggara

4. Nasionalisme di Asia Tenggara berakar umbi daripada gerakan membebaskan diri daripada penjajahan kuasa Barat seperti di Filipina, Burma (Myanmar), Vietnam dan Indonesia.

(a) Mengapakah nasionalisme di Filipina berlaku? [4 markah]

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

(b) Bagaimanakah golongan nasionalisme Filipina meneruskan matlamat perjuangan mereka setelah nasionalisme tahap pertama gagal? [8 markah]

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

........................................................................................................................................................

(c) Teliti gambar di bawah.




Berdasarkan gambar diatas, mengapakah kita perlu menyambut Hari Pahlawan pada setiap tahun?

[8 markah]

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

9.2 Nasionalisme

**9.2.4 Menghuraikan Perkembangan Idea Nasionalisme di Asia Tenggara**

Asia Tenggara berhak menentukan hala tuju sendiri....

Nasionalisme di Filipina muncul untuk menghapuskan penjajahan asing. Antara tokoh nasionalis penting termasuklah Jose Rizal, Andres Bonifacio (Bonifacio) serta Emilio Aguinaldo (Aguinaldo). Nasionalisme peringkat awal berbentuk Gerakan Propaganda yang dipimpin oleh Jose Rizal. Gerakan ini menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol yang mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol. Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892 untuk mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.


Jose Rizal

Fazura & 311 others 310 comments

9.2 Nasionalisme

**9.2.4 Menghuraikan Perkembangan Idea Nasionalisme di Asia Tenggara**

Asia Tenggara berhak menentukan hala tuju sendiri....

Kegagalan Gerakan Propaganda mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal. Bonifacio menubuhkan Katipunan untuk memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi. Katipunan yang merupakan gerakan revolusioner telah menggunakan akhbar Kalayan untuk menyebarkan idea revolusi kepada rakyat Filipina. Bonifacio dan Aguinaldo telah memimpin Katipunan melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896 untuk menyingkirkan pemerintahan Sepanyol, namun usaha ini gagal.

Aguinaldo kemudiannya bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan berjaya mengusir Sepanyol dari Filipina. Namun begitu, Perisytiharan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo pada tahun 1899 tidak diiktiraf oleh Amerika Syarikat, sebaliknya Filipina diletakkan di bawah penguasaan Amerika Syarikat.

Aznil & 111 others 110 comments

**S.K. 10.1.3** Menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua

5. Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) berlaku di dua kawasan pertempuran iaitu di Eropah dan Asia Pasifik. Peperangan di Eropah tertumpu di Eropah dan Utara Afrika manakala di Asia Pasifik pula tertumpu di Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara.

(a) Jelaskan ideologi berikut :

i) Fasisme [ 3 markah]

ii) Nazisme [ 3 markah]

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

(b) Perihalkan peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah. [8 markah]

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

(c) Baca petikan berikut.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, berkata risiko daripada konflik yang tercetus khususnya antara kuasa besar di dunia kini dilihat mencecah 'tahap tertinggi dalam sejarah'.
Ketika menekankan perkara itu pada mesyuarat Majlis Keselamatan PBB, semalam, beliau sekali gus mengkritik tindakan Russia mencerobohi Ukraine sehingga menyebabkan penderitaan dan kemusnahan besar di negara berkenaan, selain memburukkan lagi ekonomi global yang sedia terjejas akibat pandemik COVID-19.
"Ketegangan antara kuasa utama kini mencecah tahap tertinggi dalam sejarah. Begitu juga dengan risiko konflik berkenaan akibat kesilapan atau salah perhitungan," katanya.
Menteri Luar Russia, Sergei Lavrov yang mempengerusikan mesyuarat itu pula memberi amaran bahawa keadaan dunia berada di ambang kemungkinan lebih berbahaya daripada zaman Perang Dingin
Sumber : https://www.bharian.com.my/dunia/amerika

Berdasarkan petikan berikut sila beri penjelasan anda dan sebagai pemimpin dunia nyatakan tindakan anda untuk mengelak berlakunya konflik dunia. [ 8 markah ]

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

10.1 Konflik Dunia

**10.1.3 Menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua**

Perang bukan jalan penyelesaian yang mudah ....

Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Mussolini dan parti Fasis berjaya menguasai kerajaan Itali pada tahun 1922. Fasisme memberikan keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan percaya kepada nasionalisme melampau termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara. Bagi memulihkan semula imejnya, Itali meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia) dan Albania.

Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolf Hitler dan parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933. Nazisme mengagungkan bangsa Jerman. Hitler berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles. Hitler membina angkatan tentera semula dan seterusnya menduduki Rhineland semula, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

Lee Chong Wei & 211 others 140 comments

10.1 Konflik Dunia

**10.1.3 Menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua**

Perang bukan jalan penyelesaian yang mudah ....

*Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat*
Selepas peperangan diisytiharkan, Jerman memulakan serangan Blitzkrieg bagi menakluki negara di Eropah Barat. Jerman berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis. Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat menjelang pertengahan tahun 1941.

*Pengeboman Britain*
Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga bulan Jun 1941. Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan, kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain. Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain.

Nanthakumar & 231 others 255 comments

**S.K. 10.1.4** Menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

6. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik. Pertempuran ini berlaku di Lautan Pasifik, Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara.

(a) Jelaskan peristiwa permulaan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik. [4 markah]

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

(b) Huraikan faktor perluasan kuasa Jepun semasa Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik. [ 8 markah ]

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Kini, ciptaan yang cukup canggih hasil penemuan manusia dalam teknologi pertahanan mampu melindungi negara daripada diserang musuh. Pelbagai bentuk alat pertahanan daripada senjata sehinggalah alat kelengkapan perang turut mengiringi kemajuan sains dan teknologi. Dari satu sudut, ia mungkin membawa kebaikan kepada negara tapi jika difikirkan mungkin banyak lagi kesan yang timbul akibat penggunaan alat canggih hasil kemajuan sains dan teknologi.
>
> Pernahkah terfikir, bahawa kecanggihan alatan perang boleh membawa kemusnahan dunia termasuklah alam sekitar dan juga banyaknya jiwa yang terkorban dek kerakusan manusia sendiri. Contohnya, kesan penggunaan bom atau senjata api boleh memusnahkan alam sekitar. Walaupun sekadar untuk menguji keupayaan sesuatu ciptaan, kadang- kadang ia mengundangkan kepada kemusnahan alam sekitar seperti membawa kepada pencemaran alam. Sementara itu, tahap kepakaran yang tinggi dan peralatan canggih diperlukan untuk membina sendiri sebuah bom nuklear.
>
> Sumber : https://www.ikim.gov.my/index.php

Berdasarkan petikan, berikan komen anda. [ 8 markah ]

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

10.1 Konflik Dunia

**10.1.4 menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik**

Perang bukan jalan penyelesaian yang mudah ....

Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour, Hawaii, iaitu pangkalan tentera laut Amerika Syarikat di Pasifik. Serangan tentera Jepun terhadap Pearl Harbour bertujuan melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi penghalang kepada peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik. Seterusnya, serangan dilakukan ke atas wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang lain seperti Filipina, Hong Kong, Pulau Guam dan Pulau Wake. Serangan tersebut membawa penglibatan Amerika Syarikat dalam perang di Asia Pasifik apabila mengisytiharkan perang terhadap Jepun.
Dengan strategi yang berkesan dan penguasaan serangan melalui laut, darat dan udara, Jepun berjaya membentuk empayar yang luas di Asia Pasifik menjelang April 1942.

Puan Juliana & 331 others 275 comments

10.1 Konflik Dunia

**10.1.4 menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik**

Perang bukan jalan penyelesaian yang mudah ....

*Keperluan Perindustrian*
Pada akhir abad ke-19, Jepun sebagai sebuah kuasa industri berusaha mengurangkan pergantungan kepada negara Barat untuk mendapatkan bahan mentah.

*Pengaruh Golongan Tentera*
Pada abad ke-20, Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia. Jepun semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik pada tahun 1932.

*Orde Baharu Asia*
Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun terarah kepada matlamat mengembangkan kuasa, mewujudkan kebebasan ekonomi dan menentang imperialisme Barat.

Sebagai jalan keluar daripada sekatan ekonomi pihak Bersekutu, Jepun merancang untuk menguasai wilayah di selatan merangkumi Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah, getah, bauksit dan petroleum.

Puan Sharifah & 131 others 188 comments

**S.K. 10.3.1** Memerihalkan pentadbiran tentera British di negara kita

**7. Gambar berikut menunjukkan mesej pihak British akan kembali semula ke Tanah Melayu.**



BRITISH MILITARY ADMINISTRATION

A MESSAGE TO THE PEOPLE OF MALAYA

The British know the difficulties with which the civil population of Malaya is faced.

The British will return to Malaya.

Civilians, even those who have been forced to help the Japanese authorities, need not fear. Only those civilians who have voluntarily helped the Japanese War Effort, or have persecuted or injured British or Allied Prisoners of War or other British, British-protected or Allied subjects, will be punished.

British Military Administration.
..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................






**S.K. 11.3.4** Menghuraikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

**15.** **Gambar berikut berkaitan pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.**



30

BAHAGIAN IV

NEGERI PERSEKUTUAN

*Bab 1—Raja bagi Tanah Melayu*

Raja bagi Negeri Persekutuan dan Permai-suri-nya.

**32.** (1) Hendak-lah ada sa-orang Raja bagi Negeri Persekutuan yang bergelar Yang di-Pertuan Agong, dan kedudokan baginda itu teratas daripada semua orang$^2$ dalam Negeri Persekutuan dan baginda itu tidak-lah boleh di-bawa apa$^2$ jua perbicharaan ka-atas-nya di-dalam mana$^2$ jua mahkamah.

(2) Maka Permaisuri Yang di-Pertuan Agong itu (bergelar Raja Permaisuri Agong) dan derjat-nya hendak-lah berikut kemudian daripada Yang di-Pertuan Agong ya'ani teratas daripada semua orang$^2$ lain di-dalam Negeri Persekutuan.

(3) Maka Yang di-Pertuan Agong itu hendak-lah di-pileh oleh Majlis Raja$^2$ sa-lama lima tahun, tetapi boleh-lah baginda itu pada barang bila masa jua meletakkan jawatan-nya dengan mengirimkan sa-puchok surat yang di-tanda tangani-nya kapada Majlis Raja$^2$; atau pun baginda itu boleh-lah di-pechat oleh Majlis Raja$^2$, lalu berhenti-lah baginda daripada memegang jawatan sa-telah berhenti daripada menjadi Raja itu.

(4) Sharat$^2$ Bahagian I dan III Jadual Yang Ketiga itu hendak-lah terpakai tentang memileh dan memechat Yang di-Pertuan Agong itu.

**(a)** **Apakah cara Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dalam memperkukuhkan institusi beraja di negara kita?** **[4 markah]**

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

**(b)** **Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.** **[8 markah]**

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

....................................................................................................................................................

(c) Teliti poster berikut.




Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [8 markah]

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

.....................................................................................................................................................

11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

11.3.4 Menghuraikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Pemantapan institusi Beraja....


30

BAHAGIAN IV

NEGERI PERSEKUTUAN

*Bab 1—Raja bagi Tanah Melayu*

Raja bagi Negeri Persekutuan dan Permaisuri-nya.

**32.** (1) Hendak-lah ada sa-orang Raja bagi Negeri Persekutuan yang bergelar Yang di-Pertuan Agong, dan kedudokan baginda itu teratas daripada semua orang$^2$ dalam Negeri Persekutuan dan baginda itu tidak-lah boleh di-bawa apa$^2$ jua perbicharaan ka-atas-nya di-dalam mana$^2$ jua mahkamah.

(2) Maka Permaisuri Yang di-Pertuan Agong itu (bergelar Raja Permaisuri Agong) dan derjat-nya hendak-lah berikut kemudian daripada Yang di-Pertuan Agong ya'ani teratas daripada semua orang$^2$ lain di-dalam Negeri Persekutuan.

(3) Maka Yang di-Pertuan Agong itu hendak-lah di-pileh oleh Majlis Raja$^2$ sa-lama lima tahun, tetapi boleh-lah baginda itu pada barang bila masa jua meletakkan jawatan-nya dengan mengirimkan sa-puchok surat yang di-tanda tangani-nya kapada Majlis Raja$^2$; atau pun baginda itu boleh-lah di-pechat oleh Majlis Raja$^2$, lalu berhenti-lah baginda daripada memegang jawatan sa-telah berhenti daripada menjadi Raja itu.

(4) Sharat$^2$ Bahagian I dan III Jadual Yang Ketiga itu hendak-lah terpakai tentang memileh dan memechat Yang di-Pertuan Agong itu.

ShielaM & 281 others — 353 comments

11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

11.3.4 Menghuraikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Antara kandungan PTM ...

- Pemilihan seorang raja sebagai Yang di-Pertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap lima tahun sekali merupakan satu keistimewaan.
- Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara. Pertama, penguatkuasaan undang-undang [Perkara 14]. Kedua, memohon didaftarkan sebagai rakyat [Perkara 15] dan ketiga, memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi
- Perjanjian Persekutuan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu. Hak untuk masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi. Perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957
- Agama Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara kita.
- Dalam Perjanjian Persekutuan ini, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi.

Intan & 161 others — 190 comments

**S.K. 11.4.2** Menerangkan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan
**S.K. 11.4.3** Menghuraikan detik - detik pemasyhuran kemerdekaan negara
**S.K. 11.4.4** Menganalisis kesan kemerdekaan terhadap negara kita
**S.K. 11.4.5** Menghuraikan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu

**16.** Keratan akhbar berikut berkaitan dengan pemasyhuran kemerdekaan negara.


MERDEKA!


MERDEKA!
Tepat pada tengah malam seluruh rakyat bertempik 'Malaya sudah merdeka!'


THE MALAY MAIL
HE BIG MOMENT!

Sumber: http://www.arkib.gov.my/web/guest/menjejaki-31-ogos-1957

**(a)** Terangkan peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal dalam persediaan menyambut kemerdekaan.
[6 markah]

**(b)** Bincangkan kesan kemerdekaan negara kita dari aspek politik pada peringkat negara dan antarabangsa.
[6 markah]

(c) Teliti gambar berikut.



Sumber;http://www.arkib.gov.my/web/guest/pengisytiharan-kemerdekaan-tanah-melayu1

**Jelaskan maklumat yang diperoleh daripada peristiwa di atas dan ceritakan perasaan anda sekiranya anda turut berada bersama dalam peristiwa tersebut.** **[8 markah]**

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

**11.4 Pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu**

Standard Pembelajaran

11.4.2 Menerangkan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan
11.4.3 Menghuraikan detik-detik pemasyhuran kemerdekaan negara
11.4.4 Menganalisis kesan kemerdekaan terhadap negara kita
11.4.5 Menghuraikan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu

**Persediaan menyambut hari bersejarah ....**

- Prasarana fizikal yang disediakan antaranya termasuklah pembinaan sebuah stadium untuk meraikan kemerdekaan dan istana untuk Yang di-Pertuan Agong.
- Penggunaan Jata Negara diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957.
- Tunku Abdul Rahman mencadangkan sebuah lagu rasmi kebangsaan dicipta
- Kementerian Pertanian pula meninjau pendapat rakyat untuk menentukan bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan. Bunga raya dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan.
- penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang telah sedia ada akan dijadikan bendera kebangsaan. Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah.

SitiNurhaliza & 221 others 191 comments

**11.4 Pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu**

Standard Pembelajaran

11.4.2 Menerangkan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan
11.4.3 Menghuraikan detik-detik pemasyhuran kemerdekaan negara
11.4.4 Menganalisis kesan kemerdekaan terhadap negara kita
11.4.5 Menghuraikan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu

**Kesan kemerdekaan kepada negara ....**

- Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan Negara kita mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan. Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu.
- Keadaan negara yang belum mempunyai kekuatan pertahanan menyebabkan negara memerlukan bantuan Britain ketika itu dengan memeterai perjanjian pertahanan yang dinamakan Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) pada tahun 1957.
- Demokrasi Berparlimen, rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya.
- Negara kita diterima menjadi ahli PBB dalam persidangannya pada 17 September 1957. Negara kita merupakan anggota PBB yang ke-82.
- Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. Beliau membuat perubahan dengan melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri.
- Hasil kemerdekaan yang dicapai membolehkan parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan.

SitiNurhaliza & 221 others 191 comments

**S.K. 12.1.2** Menerangkan ciri negara berdaulat
**S.K. 12.1.3** Menjelaskan akan pentingnya mewujudkan negara berdaulat

17.



Gambar 1
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.



Gambar 2
Bangunan Parlimen Malaysia

(a) Jelaskan ciri-ciri negara berdaulat. [ 4 markah]

(b) Mengapakah negara berdaulat perlu diwujudkan? [8 markah]

(c)

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan berganjak walau seinci pun dalam usaha mempertahankan dan melindungi hak serta kedaulatan negara, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, kerajaan juga tidak akan berkompromi dan tidak tidak sesekali tunduk dengan sebarang tindakan yang boleh merugikan negara.

Mengulas tuntutan kumpulan Sulu terhadap aset negara, katanya, kerajaan sentiasa peka dan cakna dengan apa yang berlaku serta bersiap sedia dalam aspek perundangan jika timbul sebarang isu membabitkan aset negara.

"Saya beri jaminan kita tak akan berkompromi dan berganjak seinci pun dalam mempertahankan hak dan kedaulatan negara.

Sumber : https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/977870

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 markah]

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

**12.1 Konsep Kedaulatan Negara**

Standard Pembelajaran

**12.1.2 Menerangkan ciri negara berdaulat**
**12.1.3 Menjelaskan akan pentingnya mewujudkan negara berdaulat**

**Negara kita, tanggungjawab kita...**

SISTEM PEMERINTAHAN
Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

PERUNDANGAN
menjadi asas kepada peraturan negara. Sistem perundangan penting untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.

SEMPADAN
merupakan garis pemisah antara negeri atau negara. Malaysia merupakan negara yang berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran, iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina.

RAKYAT
merupakan penduduk di sesebuah negara. Rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.

Guru anda & 291 others 55 comments

**12.1 Konsep Kedaulatan Negara**

Standard Pembelajaran

**12.1.2 Menerangkan ciri negara berdaulat**
**12.1.3 Menjelaskan akan pentingnya mewujudkan negara berdaulat**

**Pentingnya kedaulatan untuk ....**

Keberkesanan Pentadbiran
Kedaulatan memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.

Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain. Hubungan ini dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara kita.

Kemakmuran Ekonomi
Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi. Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha dilakukan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum di Malaysia.

Kesejahteraan Sosial
Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat. Negara dapat melahirkan generasi yang berilmu.

Cikgu Saari & 291 others 50 comments

**S.K. 12.2.2** Menerangkan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan
**S.K. 12.2.3** Menjelaskan ciri - ciri utama Perlembagaan Persekutuan

18. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara. Perlembagaan mempunyai dua ciri utama yang diperlukan bagi kestabilan serta kemajuan negara.

(a) Terangkan ciri moden yang menjadi asas kepada pembentukan perlembagaan persekutuan. [6 markah]

........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................

(b) Jelaskan dua ciri tradisional yang masih dilaksanakan setelah negara kita mencapai kemerdekaan. [6 markah]

........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................
........................................................................................................................................................

(c) **Baca maklumat dalam petikan berikut :**

> Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan. Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara, iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.
>
> Mengambil kira rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan, Raja Berperlembagaan menjadi simbol perpaduan, bahasa ibunda boleh dipelajari, agama lain diamalkan dan Perkara 153 juga menjamin kepentingan minoriti lainnya.
>
> Sarjana Inggeris, J S Furnival menyatakan bahawa sebuah negara majmuk seperti Malaysia pasti tidak akan menjadi stabil oleh kerana setiap kumpulan etnik hidup terpisah, terasing dan terputus. Jelas, tesis Furnival ini meleset apabila selepas merdeka, Dasar Ekonomi Baharu (DEB) telah mengubah pemecahan dan pekerjaan mengikut etnik. Pembangunan berlaku dengan pelaksanaan DEB sehingga membawa perubahan sosial dan transformasi masyarakat melalui proses perubahan sektor kerja dari sektor pertanian kepada sektor komersial dan industri. Kalau dahulu wujud golongan miskin, sekarang muncul kelas menengah dan negara bersifat kekampungan kini menjadi kosmopolitan.
>
> Sumber : https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/perlembagaan-persekutuan-satukan-bangsa

**Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan menghormati perlembagaan negara.** **[8 markah]**

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

12.2 Perlembagaan Persekutuan

Standard Pembelajaran

**12.2 Perlembagaan Persekutuan**
**12.2.3 Menjelaskan ciri-ciri utama Perlembagaan Persekutuan**

**Undang - undang menjamin keamanan..**

mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan. Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu.

Kewarganegaraan Persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum itu, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara. Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia. Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.

Awek saya & 191 others — 150 comments

12.2 Perlembagaan Persekutuan

Standard Pembelajaran

**12.2 Perlembagaan Persekutuan**
**12.2.3 Menjelaskan ciri-ciri utama Perlembagaan Persekutuan**

**Gabungan unsur tradisional ...**

Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri. Pada baginda, terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri. Raja mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman pesalah

Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa YDPA

Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

Bahasa Melayu menjadi lingua franca dan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu. Kini, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara kita.

Ayah saya & 91 others — 120 comments

**S.K. 12.2.4** Menghuraikan pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

19. Malaysia dibentuk pada tahun 1963, pindaan perlembagaan dilakukan bagi menyesuaikannya dengan Sarawak dan Sabah. Pindaan perlembagaan yang dilakukan pada tahun 1965 menyaksikan pemisahan Singapura dari Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab mempertahankan perlembagaan demi kedaulatan negara.

(a) Mengapakah pindaan Perlembagaan 1963 dibuat? [4 markah]

..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

(b) Huraikan pindaan yang dibuat dalam Perlembagaan 1963 dan 1965. [8 markah]

..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................
..........................................................................................................................................

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> KUALA LUMPUR: Pindaan Perlembagaan berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bertujuan mengukuhkan kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.
>
> Beliau berkata, pindaan Perlembagaan itu selaras dengan agenda transformasi kerajaan untuk mengembalikan keyakinan rakyat termasuk pelabur asing terhadap kemampuan kerajaan demi memastikan kestabilan politik dan dasar negara ke arah pembangunan sosio-ekonomi mampan.
>
> "Persefahaman dan kestabilan politik, ekonomi serta sosial di Malaysia yang dicapai melalui rang undang-undang ini penting bagi membentuk asas kukuh dalam sebuah Keluarga Malaysia," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2021 untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini.
>
> https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/898889/pindaan-perlembagaan-kukuh-kedudukan-sabah-sarawak

Pada pandangan anda, sejauh manakah pindaan perlembagaan memberi manfaat kepada negara kita?

[8 markah]

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

12.2 Perlembagaan Persekutuan

**12.2.4 Menghuraikan pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965**

Pindaan untuk penyesuaian ...

Pindaan Perlembagaan 1963
Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. Pindaan yang dibuat adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikannya dengan keperluan semasa. Terdapat tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

My Mom & 111 others — 190 comments

12.2 Perlembagaan Persekutuan

**12.2.4 Menghuraikan pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965**

Pindaan untuk penyesuaian ...

Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dengan berpusat di Kuching, Sarawak. Menjelang tahun 1994, nama jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam menjalankan tugasnya, Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

My Mom & 111 others — 190 comments

**S.K. 12.3.2** Menerangkan sejarah & kedudukan institusi Majlis Raja - Raja
**S.K. 12.3.3** Menjelaskan kedudukan serta kuasa YDPA & Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

20 Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

(a) Jelaskan kedudukan Raja-raja Melayu sebelum kedatangan Barat? [ 4 markah ]

.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................

(b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Terangkan ketiga-tiga bidang kuasa tersebut. [ 8 markah ]

.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................
.....................................................................................................................................

(c)

**Institusi Yang Di-Pertuan Agong Penjaga Perlembagaan**

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong satu-satunya jawatan unik di dunia. Yang di-Pertuan Agong dipilih Majlis Raja-Raja dalam kalangan sembilan Raja Melayu bagi tempoh lima tahun. Institusi Yang di-Pertuan Agong sangat signifikan bagi rakyat kerana ia disanjung tinggi dan berperanan penting dalam kestabilan politik, ekonomi serta sosial negara.

Menurut Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong ialah ketua tertinggi yang kedudukannya mengatasi semua orang lain di Persekutuan Malaysia dan tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah kecuali di Mahkamah Khas diwujudkan mengikut Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan.

Malaysia mewarisi sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen daripada sistem Westminster dari England. Yang di-Pertuan Agong ialah ketua negara, tetapi bukan ketua badan eksekutif. Kuasa eksekutif itu tertakluk kepada peruntukan undang-undang diperuntukkan dalam Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan (Perkara 39).

Namun, baginda boleh menggunakan budi bicara, melantik Perdana Menteri mengetuai Kabinet. Menurut Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan, jika Perdana Menteri hilang sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat, kecuali atas permintaannya kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membubar Parlimen, beliau perlu meletak jawatan daripada Kabinet.

Justeru, sebagai Ketua Negara, baginda berperanan penting dalam memastikan pentadbiran negara berada dalam landasan betul mengikut acuan Perlembagaan Persekutuan. Baginda bertindak sebagai penyemak dan pengimbang supaya ketua bagi ketiga-tiga badan eksekutif, perundangan dan kehakiman menjalankan tugas dengan adil serta penuh tanggungjawab demi kepentingan dan kemaslahatan rakyat.

Meskipun Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri, baginda mempunyai kuasa besar diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan negara stabil dan aman

.

Sumber:https://www.bharian.com.my/amp/kolumnis/2020/06/697786/institusi-yang-di-pertuan-agong-penjaga-perlembagaan

Huraikan maklumat yang terdapat dalam petikan di atas dan kepentingan sistem beraja dalam negara kita. [ 8 markah ]

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

12.3 Raja Berperlembagaan & Demokrasi Berparlimen

Standard Pembelajaran

12.3.2 Menerangkan Sejarah & Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja
12.3.3 Menjelaskan kedudukan serta kuasa YDPA & Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

Kesultanan Melayu Melaka pemerintahan beraja yang berwibawa. Raja ialah pemerintah yang berkuasa mutlak.

Pemerintahan pula berdasarkan undang-undang, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

Raja-raja Melayu dianggap sebagai sumber undang-undang, ketua kerajaan dan ketua agama. Baginda bertanggungjawab mempertahankan adat dan struktur masyarakat dalam kerajaan Melayu. Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada kedaulatan Raja-raja Melayu.

Pemerintahan kesultanan ini diperkukuh dengan konsep Islam. Konsep ini sekali gus menjadikan raja sebagai ketua agama Islam.

Fazura & 311 others 310 comments

12.3 Raja Berperlembagaan & Demokrasi Berparlimen

Standard Pembelajaran

12.3.2 Menerangkan Sejarah & Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja
12.3.3 Menjelaskan kedudukan serta kuasa YDPA & Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

Kuasa Eksekutif
Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri. Yang di-Pertuan Agong melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.

Kuasa Perundangan
Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang. Baginda juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

Kuasa Kehakiman
Yang di-Pertuan Agong melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Aznil & 111 others 110 comments

**S.K. 12.4.1** Memerihalkan latar belakang sistem Persekutuan di negara kita
**S.K. 12.4.4** Menganalisis faktor - faktor yang mengukuhkan sistem persekutuan
**S.K. 12.4.7** Mentafsir kepentingan sikap kerjasama antara Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri dalam pembangunan negara

21. Sistem persekutuan di negara kita mempunyai latar belakang sejarah tersendiri, iaitu bermula pada tahun 1896.

(a) Jelaskan latar belakang sejarah pembentukan Persekutuan 1896 tersebut. [ 4 markah]

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

(b) Bagaimanakah penyelarasan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilaksanakan. [ 8 markah]

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

..........................................................................................................................................................

(c) Baca maklumat dalam petikan di bawah

KUCHING : Sarawak menaruh harapan supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan peruntukan lebih banyak untuk negeri ini dalam Bajet 2023 apabila dibentangkan pada 7 Oktober ini.
Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, masih banyak lagi projek pembangunan yang perlu dilakukan di Sarawak, terutamanya projek infrastruktur, program berbentuk ekonomi, infrastruktur Pendidikan, kesihatan dan banyak lagi.
Kita perlu mewujudkan lebih banyak Kawasan perindustrian dan premis perniagaan untuk menyokong industri bersaiz kecil dan sederhana, lebih lebih lagi di kawasan luar bandar Sarawak kerana ia antara sektor yang terjejas teruk akibat pandemik Covid 19.
